



1000240737



AHLI Parlimen Santubong, Puan Rohani Abdul Karim menepung tawar salah seorang peserta 'Projek Perintis Homestay' yang diadakan di Kampung Telaga Air dekat Kuching.

## Siswa Unimas sertai program perintis 'Homestay'

KUCHING, Rabu — Seramai 20 siswa dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sedang mengikuti program perintis 'Homestay' - tinggal sama empat hari bersama lima keluarga angkat masing-masing di Kampung Telaga Air, dekat sini.

Program tersebut adalah anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Cawangan Sarawak (LKIMCS) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kementerian Pelancongan Sarawak, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM), Persatuan Pelancongan Sarawak, Persatuan Ne-

layan Negeri Sarawak (PENESA), Persatuan Nelayan Kawasan serta beberapa pihak lain.

Pada tahun ini sebanyak dua buah kampung dari seluruh Malaysia terpilih untuk menyertai program itu, iaitu Kampung Telaga Air dan Kampung Pulau Tuba di Pulau Langkawi yang disertai 40 siswa Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

Matlamat program itu adalah untuk membuka ruang kepada masyarakat tempatan bagi mendapatkan pendapatan tambahan.

Selain itu, ia juga memberi peluang kepada semua golongan masyarakat untuk menyer-

tai peluang-peluang perniagaan dalam bidang pelancongan mengikut kemampuan masing-masing selain mewujudkan integrasi nasional dan menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Kaedah 'Homestay' ini turut memenuhi arah aliran pelancongan masa kini, iaitu masyarakat metropolitan mempunyai minat yang mendalam untuk mengetahui dan menikmati corak kehidupan dan suasana masyarakat luar bandar.

Program ini juga akan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelancong serta rakyat negara ini, khasnya mengenai kebudayaan ma-

syarakat setempat serta mewujudkan aktiviti ekonomi satu produk satu kampung.

Menerusi proram ini, pelancong akan tinggal bersama keluarga angkat masing-masing dan seterusnya berpeluang mengecapi cara hidup harian keluarga berkenaan serta berpeluang mengenali secara langsung kebudayaan penduduk tempatan.

Majlis penyerahan anak-anak angkat program 'Homestay' itu kepada keluarga angkat mereka disempurnakan oleh Ahli Parlimen kawasan Santubong, Puan Rohani Karim di Kampung Telaga Air, hari ini.